

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 123

AKTA PENDAFTARAN ANAK-ANAK
ANGKAT

PENYUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek.
2. Tafsiran.
3. Pendaftar Agung.
4. Lantikan Pendaftar-Pendaftar Anak-Anak Angkat.
5. Daftar dan Buku Peringatan Daftar.
6. Pendaftaran anak-anak angkat yang sebenar (de facto).
7. Salinan-salinan pendaftaran hendaklah diberi kepada pemohon-pemohon.
8. Pihak-pihak dan saksi-saksi terikat untuk memberi keterangan yang benar.
9. Kuasa-kuasa Pendaftar.
10. Keengganan mendaftarkan.
11. Sahnya suatu pengambilan anak angkat tidak disentuh oleh pendaftaran atau keadaan tiada berdaftar.

12. Mencari dan salinan yang diperakui bagi pemasukan dalam daftar-daftar anak angkat.
13. Pindaan Daftar.
14. Kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman.
15. Pendaftar-pendaftar hendaklah pegawai-pegawai kerajaan.
16. Aturan-aturan.

JADUAL PERTAMA — Borang Permohonan untuk Pendaftaran.

JADUAL KEDUA — Borang Pemasukan dalam Daftar.

AKTA PENDAFTARAN ANAK-ANAK ANGKAT

Suatu Akta untuk memperuntukkan bagi pendaftaran anak-anak angkat.

10 tahun
1961

Permulaan kuatkuasa : 1hb Januari 1962

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Pendaftaran Anak-Anak Angkat.

Gelaran
pendek

2. Dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakan makna yang lain —

Tafsiran

“Pendaftar Agung” bermakna orang yang dilantik menjadi Pendaftar Beranak dan Mati bagi Negara Brunei Darussalam di bawah bab 3 dari Akta Pendaftaran Beranak dan Mati ;

Penggal 79

“Pendaftar” bermakna seorang Pendaftar Anak-Anak Angkat yang dilantik di bawah Bab 4 dan termasuk seorang Timbalan Pendaftar ;

“penjaga” bermakna orang yang mempunyai hak yang sah bagi memelihara kanak-kanak tersebut.

3. Pendaftar Agung hendaklah mempunyai tanggungan dan penyeliaan am bagi semua daftar-daftar anak-anak angkat yang diadakan di bawah Akta ini dan semua Pendaftar Anak-Anak Angkat akan tertakluk kepada arahan-arahannya bagi maksud-maksud Akta ini.

Pendaftar
Agung

4. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik beberapa orang pegawai kerajaan, dengan nama atau jawatan, untuk menjadi Pendaftar-Pendaftar Anak-Anak Angkat bagi Negara Brunei Darussalam atau bagi kawasan sebagaimana yang ditentukan dalam lantikan itu bagi maksud-maksud Akta ini atau untuk menjadi atau bertindak sebagai Timbalan kepada mana-mana

Lantikan
Pendaftar-
Pendaftar
Anak-Anak
Angkat

Pendaftar tersebut apabila Pendaftar itu tidak berada dalam Negara Brunei Darussalam atau kawasanya, atau sedang uzur atau apabila jawatannya terkosong buat sementara.

Daftar dan
Buku
Peringatan
Pendaftar.

5. Tiap-tiap Pendaftar yang dilantik di bawah Akta ini hendaklah menyimpan satu Daftar dalam borang dalam Jadual Kedua dan dia hendaklah memasukkan ke dalamnya butir-butir yang akan didaftarkan mengenai anak angkat tersebut dan dia hendaklah juga menyimpan satu buku yang akan dipanggil Buku Peringatan Pendaftar dalam mana dia hendaklah merekodkan dengan tulisannya sendiri segala tindakan berkaitan dengan pendaftaran mana-mana anak angkat, hal-hal mengenai pengenalan anak angkat itu, nama orang yang mengambilnya sebagai anak angkat, nama orang, jika ada, yang memberi persetujuan pada pengambilan anak angkat itu dan semua keterangan yang diambil olehnya dalam mana-mana tindakan tersebut di bawah Akta ini.

Pendaftaran
anak-anak
angkat yang
sebenarnya
(de facto)

6. (1) Jika pada tarikh bila permohonan bagi pendaftaran dibuat mana-mana kanak-kanak yang berumur kurang dari lapan belas tahun yang belum berkahwin ada dalam pemeliharaan, dan sedang dipelihara, dijaga dan diberi pelajaran oleh mana-mana orang, atau oleh pasangan suami isteri, sebagai anaknya atau anak mereka sendiri menurut sebarang pengambilan anak angkat yang sebenar (de facto), dan telah selama tempoh yang tidak kurang dari dua tahun terus-menerus dan sebelum tarikh permohonan tersebut berada di dalam pemeliharaan orang atau orang-orang tersebut dan telah dipelihara, dijaga dan diberi pelajaran sedemikian, maka Pendaftar bolehlah, atas permohonan dalam borang dalam Jadual Pertama, oleh orang atau kelamin, mendaftarkan anak angkat itu jika —

(a) orang atau kelamin tersebut dan kanak-kanak itu hendaklah hadir di hadapan Pendaftar itu dan menunjukkan kepada Pendaftar itu keterangan sama ada secara lisan atau dokumen yang boleh memuaskan hati Pendaftar itu bahawa pengambilan anak angkat itu telah pun dilakukan ; dan

(b) ibu bapa atau salah seorang dari ibu bapa, atau, jika kedua-dua ibu bapa telah mati atau jika ibu bapa itu tidak berada dalam Negara Brunei Darussalam, mana-mana penjaga kanak-kanak itu hendaklah hadir di hadapan Pendaftar dan memberi persetujuan terhadap pengambilan anak angkat itu :

Dengan syarat bahawa jika Pendaftar berpuas hati bahawa mengikut keadaan-keadaan perkara itu adalah patut dan adil dan untuk kebajikan kanak-kanak itu maka dia boleh mengetepikan persetujuan daripada mana-mana ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu ataupun kehadiran mana-mana ibu bapa atau penjaga yang telah memberi persetujuannya dengan akuan berkanun dan

(c) bayaran-bayaran yang ditentukan telah dibayar.

(2) Pendaftar hendaklah mendaftarkan sesuatu pengambilan anak angkat dengan memasukkan butir-butir pengambilan anak angkat itu ke dalam Daftar.

7. (1) Ketika pendaftaran suatu pengambilan anak angkat menurut peruntukan-peruntukan dari bab 6 maka satu salinan pemasukan dalam Daftar yang diperakui yang ditan-datangani oleh Pendaftar hendaklah diberi atau dihantar kepada orang atau kelamin yang memohon pendaftaran tersebut, dan satu salinan pemasukan dalam Daftar yang diperakui hendaklah dihantar, dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan, kepada Pendaftar Agung ; dan semua salinan-salinan yang telah diperakui itu hendaklah menjadi daftar anak angkat Pendaftar Agung.

Salinan-salinan pendaftaran hendaklah diberi kepada pemohon-pemohon

(2) Jika butir-butir yang terkandung dalam satu salinan pemasukan dalam Daftar yang diperakui mengenai mana-mana pengambilan anak angkat, apabila dihantar kepada Pendaftar Agung menurut peruntukan-peruntukan dari cerai (1), nampaknya kepada Pendaftar Agung itu serupa dengan butir-butir pengambilan anak angkat yang

pendaftarannya telah dibatalkan menurut peruntukan-peruntukan dari Akta ini, maka dia hendaklah menghantar balik salinan yang diperakui itu kepada Pendaftar yang menghantarnya bersama dengan butir-butir mengenai pengambilan anak angkat yang pendaftarannya telah dibatalkan dan Pendaftar tersebut hendaklah selepas itu memanggil pihak-pihak itu untuk menunjukkan sebab kenapa pendaftaran pengambilan anak angkat tersebut tidak patut dibatalkan dan jika pihak-pihak itu gagal menunjukkan sebab maka Pendaftar itu hendaklah membatalkan pendaftaran pengambilan anak angkat tersebut.

Pihak-pihak dan saksi-saksi terikat untuk memberi keterangan yang benar

8. (1) Tiap-tiap orang yang memberi keterangan di hadapan Pendaftar hendaklah terikat untuk menyatakan yang benar dan untuk memberi jawapan yang betul kepada semua soalan-soalan yang dihadapkan kepadanya oleh Pendaftar.

Penggal 22

(2) Barangsiapa yang memberi mana-mana keterangan dalam mana-mana penyiasatan di bawah Akta ini yang diketahuinya tidak benar, atau siapa melakukan sebarang perbuatan lain, yang mana jika dilakukan dalam satu perbicaraan kehakiman adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Penggal XI dari Kanun Hukuman Jenayah, boleh dihukum atau sabitan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Penggal itu secara yang sama seolah-olah perbuatan itu telah dilakukan di dalam atau berhubung dengan satu perbicaraan kehakiman.

Kuasa-kuasa Pendaftar

9. Bagi maksud-maksud Akta ini tiap-tiap Pendaftar yang dilantik di bawah Akta ini akan mempunyai semua kuasa seorang Majistret bagi memanggil dan menyoal saksi-saksi dan mengangkat sumpah-sumpah dan pengakuan-pengakuan.

Keengganan mendaftarkan

10. (1) Jika Pendaftar tidak berpuas hati tentang kebenaran mana-mana pernyataan yang dibuat kepadanya maka dia boleh enggan mendaftarkan pengambilan anak angkat itu atau jika dia berkehendakkan keterangan mengenai sebarang butir-butir yang dikehendaki untuk didaftarkan maka dia boleh menanggukkan pendaftaran dan dia boleh meminta mana-mana keterangan lanjut yang difikirkannya perlu :

Dengan syarat bahawa Pendaftar itu hendaklah merekodkan di dalam Buku Peringatan Pendaftar tentang sebab-sebab keengganan atau penangguhan tersebut.

(2) Pendaftar tidak boleh mendaftarkan mana-mana pengambilan anak angkat melainkan orang yang memohon pendaftaran, atau dalam perkara suatu permohonan oleh pasangan suami isteri, salah satu dari kelamin itu —

(a) telah mencapai umur dua puluh lima tahun dan sekurang-kurangnya lapan belas tahun lebih tua dari kanak-kanak tersebut bagi yang mana permohonan dibuat ; atau

(b) telah mencapai umur dua puluh satu tahun dan ianya adalah seorang abang, kakak, bapa saudara atau ibu saudara kepada kanak-kanak itu, sama ada secara darah daging atau persaudaraan, ataupun, jika kanak-kanak adalah anak luar nikah, seorang yang akan mempunyai tali persaudaraan jika kanak-kanak itu anak yang sah ; atau

(c) adalah ibu atau bapa kanak-kanak itu.

(3) Pendaftar tidak boleh mendaftarkan mana-mana pengambilan anak angkat bagi mana-mana orang atau kanak-kanak yang biasanya tidak diam dalam Negara Brunei Darussalam.

(4) Pendaftar tidak boleh mendaftarkan mana-mana pengambilan anak angkat bagi mana-mana kanak-kanak yang telah tertakluk kepada satu perintah pengambilan anak angkat yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan dari mana-mana undang-undang bertulis yang berjalan kuatkuasanya dalam Negara Brunei Darussalam.

(5) Rayuan tidak boleh dibuat kerana pembatalan oleh seorang Pendaftar bagi pendaftaran suatu pengambilan anak angkat atau kerana keengganan seorang Pendaftar untuk

mendaftarkan suatu pengambilan anak angkat, tetapi keengganan yang sedemikian tidak akan mencegah Pendaftar itu atau Pendaftar lain untuk mendaftarkan pengambilan anak angkat itu jika selepas itu ianya berpuas hati bahawa sebab-sebab keengganannya untuk mendaftarkan sama ada telah tidak wujud lagi atau telah dari semenjak itu dihapuskan.

Sahnya suatu pengambilan anak angkat tidak disentuh oleh pendaftaran atau keadaan tiada berdaftar

11. Pendaftaran ataupun ketinggalan dari mendaftarkan sebarang pengambilan anak angkat tidak akan menyentuh sahnyanya pengambilan anak angkat itu ; dan, dengan syarat bahawa pengenalan anak angkat itu, orang yang mengambalnya sebagai anak angkat dan pihak-pihak yang memberi persetujuan telah disahkan dengan ketentuan yang sepatutnya dengan butir-butir yang direkodkan dalam Buku Peringatan Pendaftar, maka tiada apa-apa kesilapan tentang butir-butir yang direkodkan dalam Daftar atau tiada apa-apa ketinggalan dari merekodkan sebarang butir-butir yang patut direkodkan boleh menyentuh sahnyanya pendaftaran anak angkat itu.

Mencari dan salinan yang diperakui bagi memasukan dalam daftar-daftar anak angkat

12. (1) Pendaftar Agung dan tiap-tiap Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya dibuat nombor-nombor susunan daftar-daftar anak-anak angkat yang di dalam simpanan mereka, dan mana-mana orang apabila memohon kepada Pendaftar Agung atau seorang Pendaftar, dan apabila membayar bayaran yang ditentukan hendaklah berhak untuk mencari di dalam daftar anak-anak angkat dan nombor susunannya, dan mendapatkan satu salinan yang diperakui dalam daftar tersebut.

(2) Tiap-tiap salinan yang diperakui bagi sebarang memasukan dalam sebuah daftar anak-anak angkat, jika salinan tersebut dikatakan telah ditandatangani oleh mana-mana orang yang diamanahkan di bawah Akta ini untuk menyimpan sebarang daftar anak-anak angkat, hendaklah diterima bagi semua maksud-maksud dan dalam semua Mahkamah-Mahkamah sebagai keterangan pengambilan anak angkat yang disebutkannya, dan, jika memasukan itu mengandungi suatu rekod tentang tarikh lahir anak angkat

itu, hendaklah diterima bukan sahaja sebagai keterangan pengambilan anak angkat itu bahkan juga sebagai keterangan tarikh lahir anak angkat itu, dengan tidak payah dibuktikan lagi dengan daftar tersebut atau dengan sebarang pemasukan di dalamnya atau dengan tandatangan tersebut tetapi tidak pula dengan sahnya pengambilan anak angkat tersebut :

Dengan syarat bahawa sebuah Mahkamah boleh, jika tiada sebarang keterangan yang berlawanan, mensifatkan sebarang pengambilan anak angkat yang telah didaftarkan itu sebagai sah dan bertanggungjawab bagi membuktikan bahawa tiada sahnya pengambilan anak angkat tersebut akan terserah kepada orang yang membuat tuduhan itu.

13. (1) Mana-mana Pendaftar yang ada menyimpan sebuah Daftar dalam mana suatu pengambilan anak angkat telah didaftarkan menurut peruntukan-peruntukan dari Akta ini boleh, apabila dibuat permohonan secara yang ditentukan dan setelah membayar bayaran yang ditentukan oleh orang atau pasangan suami isteri yang memohon pendaftaran tersebut atau oleh kanak-kanak itu, meminda Daftar itu dengan membetulkan sebarang kesilapan tentang butir-butir yang terkandung di dalamnya ; dan manakala suatu pemasukan dalam Daftar itu dipinda maka satu salinan yang diperakui bagi pemasukan yang dipinda dalam Daftar itu yang ditandatangani oleh Pendaftar hendaklah diberi atau dihantar kepada orang atau pasangan suami isteri itu atau kepada kanak-kanak itu dan satu salinan yang diperakui bagi pemasukan yang dipinda dalam Daftar itu hendaklah dihantar, dalam tempoh sebagaimana yang boleh ditentukan, kepada Pendaftar Agung.

Pindaan
Daftar

(2) Peguam Negara boleh memohon kepada sebuah Mahkamah Majistret untuk membatalkan pendaftaran bagi sebarang pengambilan anak angkat mengikut cara yang boleh ditentukan oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah Akta ini dan Mahkamah itu hendaklah menghantar satu salinan perintah yang dibuat dalam tiap-tiap permohonan tersebut kepada Pendaftar yang mendaftarkan anak angkat tersebut dan

kepada Pendaftar Agung dan Daftar itu hendaklah dipinda dengan membatalkan pendaftaran anak angkat tersebut jika Mahkamah itu memerintahkan sedemikian.

(3) Jika diisytiharkan oleh sebuah Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak bahawa suatu pengambilan anak angkat yang didaftarkan menurut peruntukan-peruntukan dari Akta ini adalah tidak sah dan Mahkamah itu memerintahkan sedemikian, maka satu salinan perintah tersebut hendaklah dihantar kepada Pendaftar yang mendaftarkan anak angkat tersebut dan kepada Pendaftar Agung dan Daftar itu hendaklah dipinda dengan membatalkan pendaftaran anak angkat tersebut.

(4) Barangsiapa, sama ada atau tidak seorang yang menjadi pihak kepada perbicaraan-perbicaraan itu, yang tidak puas hati dengan sebarang keputusan dari sebuah Mahkamah di bawah cerai (2) dan (3) boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi atau kepada Mahkamah Rayuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan, mengikut cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa dalam Negara Brunei Darussalam.

Kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman

14. Barangsiapa yang memalsukan mana-mana pemasukan dalam mana-mana daftar yang di simpan atau sebarang salinan yang diperakui bagi mana-mana pemasukan di dalam daftar itu yang diberi di bawah peruntukan-peruntukan dari Akta ini atau siapa dengan jalan tipu atau tidak jujur menggunakan sebagai salinan tulin akan sebarang salinan yang diperakui yang diketahui atau dipercayainya adalah palsu, adalah bersalah yang boleh dihukum atas sabit kesalahan dengan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab 466 dari Kanun Hukuman Jenayah kerana kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum di bawah bab itu atau di bawah bab 471 dari Kanun Hukuman Jenayah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

15. Tiap-tiap Pendaftar yang dilantik di bawah Akta ini hendaklah dianggap sebagai seorang pegawai kerajaan dalam bidang makna Kanun Hukuman Jenayah.

Pendaftar-
pendaftar
hendaklah
pegawai-
pegawai
kerajaan

16. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat aturan-aturan bagi maksud-maksud Akta ini, dan dengan tidak menyentuh keluasan makna peruntukan-peruntukan yang disebutkan terdahulu, boleh terutama sekali membuat aturan-aturan bagi —

Aturan-
aturan.

(a) menentukan bayaran-bayaran yang akan dikenakan di bawah Akta ini ;

(b) menentukan cara bagaimana Pendaftar-Pendaftar akan menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka oleh Akta ini ;

(c) memperuntukkan kerana menyediakan dan menyimpan dengan selamat akan semua daftar-daftar dan Buku-Buku Peringatan Pendaftar yang diadakan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini pemusnahannya ; dan

(d) amnya kerana menjalankan maksud-maksud Akta ini.

JADUAL PERTAMA

(Bab 6)

Negara Brunei Darussalam

Akta Pendaftaran Anak-Anak Angkat, Penggal 123

PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN SEORANG ANAK ANGKAT

Lihat Permohonan bagi pendaftaran seorang anak angkat ber-
Peringatan (i) nama (i)
Lihat Peringatan dahulunya bernama (ii)

(ii) Saya, yang bertandatangan di bawah
Lihat Peringatan dilahirkan di berbangsa
(iii) dan (viii) beragama (jika ada)
yang biasanya diam di

Dan saya, yang bertandatangan di bawah
isteri/suaminya yang dilahirkan di berbangsa
beragama (jika ada)
yang biasanya diam di dengan ini menyatakan :

Lihat (1) Saya/Kami ingin supaya anak angkat yang bernama
Peringatan (v) dan (vi) seorang kanak-kanak
lelaki/perempuan, dan berbangsa ,
dan beragama (jika ada)
yang biasanya tinggal di
selepas ini digelar sebagai “kanak-kanak” didaftarkan di bawah peruntukan-peruntukan dari Akta Pendaftaran Anak-Anak Angkat.

Lihat (2) Bapa kanak-kanak itu ialah
Peringatan (v) dan berbangsa , beragama (jika ada)
Peringatan (vi) yang dilahirkan di
dan sekarang diam di
yang mana persetujuannya secara bertulis ada disertakan bersama ini ;
dan ibu kanak-kanak itu ialah
berbangsa beragama (jika ada)

yang dilahirkan di dan sekarang diam di
yang mana persetujuannya secara bertulis tentang pengambilan anaknya
menjadi anak angkat ada disertakan bersama ini.

(3) Kanak-kanak itu telah dilahirkan pada
haribulan 19 dan adalah (a) serupa dengan kanak-kanak
yang disebutkan dalam salinan yang diperakui bagi suatu pemasukan
dalam Daftar Beranak yang dikembarkan ; atau (b) adalah serupa dengan
kanak-kanak yang disebutkan dalam surat sumpah yang berkembar.

Lihat
Peringatan
(vii)

(4) Kanak-kanak itu biasanya diam di dalam Negara Brunei
Darussalam dan belum pernah berkahwin.

(5) Kanak-kanak itu telah berada dalam jagaan saya/kami
dari haribulan 19 , dan sedang dijaga, dipelihara
dan diberi pelajaran oleh saya/kami sebagai anak saya/kami sendiri dan
telah berada dalam jagaan saya/kami dan telah dipelihara dan diberi pela-
jaran dari semenjak tarikh tersebut.

(6) Penjaga kanak-kanak itu ialah
berbangsa dan beragama (jika ada)
yang telah dilahirkan di dan sekarang diam di
yang mana persetujuannya secara bertulis tentang pengambilan kanak-
kanak itu menjadi anak angkat ada disertakan bersama ini.

Lihat
Peringatan
(vi)

(7) Saya,
bekerja sebagai dan biasanya diam dalam
Negara Brunei Darussalam.

(8) Saya/Kami berumur lebih dari 25 tahun, iaitu sekarang
berumur tahun, dan umur saya/kami tidak kurang dari 18
tahun lebih tua dari kanak-kanak itu dan saya/kami boleh dan layak untuk
memelihara dan menjaga kanak-kanak itu dengan baik.

Potong
mana-mana
dari (8) atau
(9) yang tidak
berkenaan

(9) Saya/Kami berumur tidak kurang dari 21 tahun, iaitu se-
karang berumur tahun, dan adalah bersaudara dengan
kanak-kanak itu, iaitu

(10) (a) Saya/Kami tidak membuat persetujuan untuk mem-
bayar sebarang bayaran kepada ibu bapa/penjaga-penjaga kanak-kanak
itu.

Potong
mana-mana
yang tidak
berkenaan

(b) Saya/Kami telah bersetuju untuk memberi bayaran kepada ibu
bapa/penjaga-penjaga seperti di bawah

(c) Saya/Kami belum lagi menerima atau bersetuju untuk menerima sebarang bayaran atau lain-lain hadiah kerana membenarkan pengambilan kanak-kanak ini menjadi anak angkat kecuali

Lihat
Peringatan
(x)

(11) Saya/Kami telah/telah tidak membuat permohonan yang terdahulu dari ini di bawah Akta ini mengenai kanak-kanak itu kepada mana-mana Pendaftar.

Saya/Kami masing-masing dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa butir-butir yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar dan saya/kami masing-masing membuat pengakuan yang benar ini dengan mempercayai sesungguhnya bahawa pengakuan ini adalah betul dan dengan kuatkuasa peruntukan-peruntukan Akta Surat-Surat Sumpah (Penggali 12 dari Edisi Semakan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam 1983).

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh
.....
yang disebutkan di atas di
.....
dalam Negara Brunei Darussalam pada
..... haribulan
..... 19.....

.....
Tandatangan Pemohon
(Tandatangan-tandatangan Pemohon-pemohon)

Di hadapan saya,

.....
Pendaftar Anak-Anak Angkat

Diterjemahkan oleh saya dan ditandatangani oleh saya
Jurubahasa

Peringatan-peringatan :

- (i) Masukkan nama atau nama-nama panggilan kanak-kanak itu.
- (ii) Potong jika tiada perubahan nama. Jika ada perubahan nama, masukkan nama lama, termasuk nama keluarga.
- (iii) Jika permohonan dibuat oleh suami isteri bersama maka borang tersebut hendaklah diubahsuai, dan jika borang tersebut menghendaki supaya diberi butir-butir mengenai pemohon, maka butir-butir hendaklah diberi tentang tiap-tiap orang yang membuat permohonan itu.
- (iv) Masukkan nama atau nama-nama panggilan kanak-kanak itu.
- (v) Jika ibu bapa seorang kanak-kanak sudah mati maka nama ibu bapa itu hendaklah diberi dan kematian itu disebutkan.
- (vi) Jika suatu persetujuan secara bertulis tidak disertakan maka borang tersebut hendaklah diubahsuai bagi menunjukkan bahawa pemohon itu menghendaki supaya Pendaftar mengenyahkan persetujuan dari orang atau orang-orang yang berkenaan.
- (vii) Salinan memasukan dalam Daftar Beranak yang diperakui tentang kelahiran kanak-kanak itu adalah dikehendaki untuk disertakan bersama dengan permohonan tersebut dalam semua hal jika salinan itu boleh diperolehi, atau jika tidak dapat berbuat demikian, maka suatu affidavit yang mengesahkan umur dan tempat lahir kanak-kanak itu.

JADUAL KEDUA

(Bab 5)

BORANG PEMASUKAN DALAM DAFTAR PENDAFTARAN ANAK
ANGKAT

Bil. Pemasukan	Tarikh dan tempat dan negeri lahir	Nama sebagai anak angkat dan nama keluarga kanak-kanak itu	Jantina kanak- kanak itu	Nama dan nama keluarga, alamat penuh dan pekerjaan orang yang hendak mengambil anak angkat	Tarikh dan tempat pendaftaran anak angkat dan nama Pendaftar	Tanda- tangan Pendaftar

[Tambahan]

UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

Aturan-aturan di bawah bab 16

ATURAN-ATURAN PENDAFTARAN ANAK-ANAK ANGKAT S. 46/62

Permulaan kuatkuasa : 1hb Januari 1962